UUM/AA49/BH/27.09.2005/p: 4(5)



Mohamed Jabir

Sicilian @ Vanessa Grant Francis

Keadaan adik dirahsiakan: Hasina

BH 27/9/05 4:5

KUALA LUMPUR: "Saya terpaksa merahsiakan keadaan dua adik saya daripada pengetahuan ibu. Saya tidak mahu dia bersedih," kata Hasina Meera Maidin, 28, kakak kepada Mohamed Jabir, mangsa nahas di Kilometer 100.8, Lebuh Raya Utara-Selatan, ketika ditemui di sini, petang semalam.

"Walaupun ibu tahu Mohamed Jabir dan Azizah terbabit dalam kemalangan, saya terpaksa merahsiakan keadaan sebenar kerana mahu menunggu bapa pulang dari Kedah.

"Saya tidak sampai hati bila ibu berkali-kali menyatakan, 'Jangan tipu, saya tahu sesuatu yang buruk berlaku kepada Jabir dan Azizah'.

"Saya sebak mendengarnya dan terpaksa berlagak tenang. Saya hanya mampu menyatakan adik sihat dan hanya terbabit dalam kemalangan biasa saja," katanya yang terpaksa menemui pemberita di luar pagar rumahnya di Taman Sejahtera, Segambut.

Hasina pulang awal bersama ibu dan abang iparnya selepas menghadiri konvokesyen Mohd Jabir di Universiti Utara Malaysia (UUM) kelmarin, kerana beliau sendiri perlu menghadiri konvokesyennya di Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Bagaimanapun, berikutan kemalangan yang meragut nyawa adik dan mencederakan seorang lagi, dia terpaksa melupakan majlis konvokesyennya.

Walaupun kejadian berlaku awal pagi semalam, dia hanya dimaklumkan mengenai kemalangan itu kira-kira jam 10.30 pagi.

"Kali terakhir saya mendengar berita mengenai mereka ialah kira-kira jam 12.25 tengah malam, selepas Azizah menghantar khidmat sistem pesanan ringkas (SMS) mengatakan mereka berada di Gurun, Kedah. Selepas itu mereka gagal dihubungi.

"Sebelum itu, Azizah menghubungi saya untuk memberitahu dia sudah membelikan sejambak bunga matahari untuk majlis konvokesyen saya, petang ini (semalam).

"Itulah perbualan terakhir kami sehingga berita mengenai kemalangan dimaklumkan anggota polis yang datang ke rumah pagi semalam," katanya.

Sementara itu, di KOTA BELUD, keluarga Sicilian @ Vanessa Grant Francis, terkejut dan hampir tidak percaya dengan laporan kematian pelajar UPM itu.

Ketika ditemui di rumahnya di Kampung Minangkob, Kelawat, kira-kira 15 kilometer dari Kota Belud, semalam, bapanya, Francis Gabil, 67, menyifatkan kematian anak gadis berusia 24 tahun itu sebagai satu kehilangan besar bagi keluarganya.

"Kami menerima maklumat mengenai kematiannya daripada Pondok Polis Kelawat, kira-kira jam 11 pagi tadi (semalam).

"Ketika itu, saya mengerjakan sawah tidak jauh dari rumah dan apabila mendapat maklumat mengenainya, terus berlari pulang untuk mendapatkan anggota keluarga lain.

"Kami terkejut, ramai ahli keluarga lain tidak percaya. Beliau seorang gadis baik dan menjadi harapan keluarga," katanya sambil mengesahkan mereka tidak tahu mengenai pemergiannya ke Kedah, kelmarin.

Sicilian adalah anak kesembilan Francis hasil perkongsian hidupnya bersama Koyob Sakandar, 67. Mereka mempunyai 10 anak, enam lelaki dan empat perempuan.